

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN CLEAN UP THE WORLD**  
**15 SEPTEMBER 2013 (AHAD), JAM 12.00 TENGAH HARI**  
**EMPANGAN MENGKUANG, BUKIT MERTAJAM**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Cik On Shy Hann**  
Pengarah Projek Clean Up the World

**Yang Berusaha Datuk Haji Kader Bin Md Nor**  
Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

**Yang Berusaha Tuan Haji Zulkafi Bin Mamaruddin**  
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Salam Sejahtera dan Selamat Pagi**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pelajaran Pulau Pinang sebagai penganjur bersama program Clean Up The World. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada para hadirin sekalian yang dapat bersama-sama menjayakan Majlis Penutupan ini.

Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian,

2. Saya amat berbesar hati kerana Persatuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pelajaran Pulau Pinang telah memilih Seberang Perai untuk Program “Clean Up The World” ini. Pengakap-pengakap adalah “Future Leader” dan penggerak perubahan minda dan cara hidup. “Cleaning Up The World” perlu dijadikan sebagai amalan harian kita bukan sebagai sambutan setiap tahun sahaja.

Yang Berbahagia Datuk, Tuan-tuan, puan-puan serta para hadirin sekalian,

3. Pertambahan populasi di negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai juga menyumbang kepada pertambahan jumlah tan sampah setiap tahun. Sebanyak 287,062.30 tan sampah telah dihasilkan sepanjang bulan Januari hingga Ogos tahun 2013. Jumlah ini bersamaan 1166 tan sampah dalam sehari bagi daerah Seberang Perai sahaja. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah membelanjakan sebanyak RM 5,798,658.46 untuk kos penyelenggaran sisa pepejal di Pulau Burong. Sementara itu, sebanyak RM 330,000.00 telah dibelanjakan bagi menguruskan sisa pepejal di Ampang Jajar. MPSP sangat komited dalam usaha mengurangkan jumlah sisa buangan. Pada tahun ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai menyasarkan penurunan penghasilan sampah secara kumulatif sebanyak 5 peratus bagi tahun 2013.

Para hadirin sekalian

4. Sejajar dengan sasaran untuk mengurangkan jumlah sisa buangan sampah, beberapa aktiviti telah dirangka sepanjang tahun. Antaranya, *Program Clean Up The World*. Program *Clean Up The World* ini telah dijalankan semenjak tahun 2010 dengan tujuan memelihara dan memulihara alam sekitar bersama 120 negara yang lain. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Australia juga mengambil inisiatif

untuk menjaga kemakmuran alam sekitar mereka dengan turut serta menjayakan program seumpama ini. Program ini diadakan pada minggu ketiga bulan September pada setiap tahun. Bagi menjayakan program ini kerajaan negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM 6,800 setiap tahun. Program ini diadakan bersama United Nations Environment Program (UNEP) dengan matlamat menggalakkan komuniti, sekolah, peniaga dan kerajaan tempatan untuk menyelesaikan isu-isu alam sekitar tempatan. Program ini tertumpu khususnya pada warga negeri Pulau Pinang sebagai agen perubahan. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berharap ianya bukan dilakukan pada hari ini sahaja tetapi sepanjang tahun. Tema bagi acara *Clean The World* pada tahun ini ialah ***Our Place, Our Planet, Our Responsibility.*** Kita tidak berhak membuat pencemaran terhadap bumi kerana bumi adalah satu-satunya rumah bagi semua hidupan.

Para hadirin sekalian,

5. MPSP telah mengambil inisiatif bagi memelihara dan memulihara alam sekitar melalui program-program seperti Program Kitar Semula, Program Sisa Sifar dan Sekolah Hijau bagi peringkat negeri. Sukacita dimaklumkan pada tahun ini, sebanyak 84 sekolah telah menyertai

Anugerah Sekolah Hijau berbanding dengan tahun 2012, sebanyak 53 sekolah sahaja yang menyertai program tersebut. Selain itu Majlis Perbandaran Seberang Perai turut mengadakan Program Pemberian Pasu Bunga bersama Syarikat Guppy Plastic Industries Sdn Bhd yang disertai oleh 36 buah sekolah di daerah Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara masing-masing. Setiap sekolah menerima sebanyak 15 buah pasu bunga berserta pokok bagi program ini. Secara tidak langsung program ini mendidik warga sekolah agar peka akan kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar. Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai juga telah menganjurkan Anugerah Komuniti Mampan 2012/2013 yang merupakan salah satu projek di bawah Program Local Action 21. Sebanyak 8 pertubuhan telah berjaya melaksanakan program komuniti mampan ini dan saya berharap jumlah ini akan bertambah pada masa hadapan. Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif dan penambahbaikan yang dijalankan oleh komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai. Pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) amat berbesar hati menganjurkan program-program yang bertujuan memelihara dan memulihara alam sekitar. Justeru, aktiviti-aktiviti seperti *urban farming*, kitar semula, gotong-royong kebersihan dan lain-lain adalah sebahagian daripada usaha MPSP melindungi alam semula jadi. Melalui program-program

yang telah dijalankan, MPSP dari bulan Januari hingga Ogos 2013 telah mencapai kadar kitar semula 32% pada tahun ini berbanding dengan sasaran iaitu sebanyak 31%. Program-program seperti ini adalah sejajar dengan motto kerajaan negeri iaitu *Cleaner, Greener, Safer, and Healthier* untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih dan hijau.

Para Hadirin Sekalian,

6. Sekarang ini banyak diperkatakan tentang "Green Economy" dan "Blue Economy Concept".

"Green Economy" adalah ekonomi atau model pembangunan ekonomi yang berasaskan kepada pembangunan mapan dan pengetahuan ekonomi ekologi. "Green Economy" menekan pentingnya pemikiran kreatif kearah "Zero Carbon Economy". Model pertumbuhan ekonomi semasa memberi tumpuan kepada peningkatan KDNK di atas semua matlamat yang lain. Walaupun sistem ini telah meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan tetapi ia datang dengan kos sosial, alam sekitar dan ekonomi yang penting dan berpotensi tidak dapat dipulihkan. "Green Economy" menggalakkan triple bottom line : mengekalkan dan memajukan ekonomi, alam sekitar dan kesejahteraan sosial. "Green Economy" adalah salah satu yang menyebabkan

kesejahteraan dan sosial ekuiti manusia lebih baik, di samping mengurangkan dengan ketara risiko alam sekitar dan scarcities ekologi.

Manakala "Blue Economy" adalah sistem ekonomi yang tiada kesan sampingan ke atas alam sekitar tetapi mewujudkan peluang pekerjaan, membina modal sosial dan tidak melibatkan kos yang lebih tinggi. Model yang dicadangkan oleh "Blue Economy" menunjukkan bahawa dengan menggunakan kuasa dan proses alam semula jadi secara bijak dan bertindak dalam suasana harmoni, kecekapan yang lebih tinggi boleh dicapai berbanding daripada menggunakan model ekonomi sekarang yang mengeksplorasi alam semula jadi. Ini adalah apa yang dimaksudkan dengan kemampunan (sustainability) dalam erti kata sebenar.

Para hadirin sekalian

7. Bersempena dengan program ini, pelbagai aktiviti telah dirancang seperti memungut sampah dan membersihkan kawasan setempat. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut mengambil bahagian dalam program mengutip sampah sarap dan selanjutnya mengasingkan sampah kepada yang boleh dikitar semula dan tidak boleh dikitar semula bagi tujuan pengklasifikasikan untuk dikitar semula. Selain itu, aktiviti

pemeliharaan alam sekitar seperti pertunjukan membuat kompos, membuat sabun dan kitar semula turut diadakan.

Para hadirin sekalian,

Saya menyeru para hadirin sekalian untuk bersama-sama dengan kami demi menjaga alam sekitar lantas merealisasikan impian kerajaan negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih dan hijau.

Akhir kata dengan sukacitanya saya merasmikan Majlis Penutupan Program *Clean Up The World* 2013.

Sekian, wabillah hitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh . Terima kasih.